

28 MAR 2001

Sarawak-Pertumbuhan

SARAWAK YAKIN PERTUMBUHAN 8 PERATUS KDNK DAPAT DIKEKALKAN

KUCHING, 28 Mac (Bernama) -- Sarawak yakin dapat mengekalkan anggaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak lapan peratus bagi tahun ini berikutan beberapa aktiviti ekonomi utama sedang dilaksanakan untuk mengekalkan momentum itu, kata Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Dr George Chan hari ini.

Katanya pada masa ini, banyak projek infrastruktur sedang dilaksanakan termasuk empangan elektrik hidro Bakun berharga RM9 bilion di Belaga, kilang Palpa dan Kertas Borneo dan projek Gas Cecair Asli Tiga di Bintulu serta pembinaan jalan di sepanjang pantai.

"Oleh itu, kelembapan ekonomi AS tidak akan memberikan kesan buruk terhadap ekonomi negeri kerana eksport ke Amerika Syarikat hanya menyumbang tiga peratus daripada jumlah keseluruhan eksport asing negeri," katanya.

Beliau bagaimanapun memberitahu pemberita di sini selepas merasmikan persidangan antarabangsa mengenai "Kurangkan Kesan Pembalakan" yang dianjurkan Persatuan Kayu Balak Sarawak, bahawa eksport ke Amerika Syarikat menyumbang 25 peratus jumlah eksport asing Malaysia.

Chan yang juga Menteri Kewangan dan Kemudahan Awam Negeri turut diminta mengulas mengenai langkah Kerajaan Persekutuan untuk merendahkan unjuran KDNK negara kepada antara empat dan lima peratus sebagai langkah berjaga-jaga sebagai persediaan menghadapi bahang kelembapan ekonomi Amerika Syarikat.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menyemak semula anggaran rasmi KDNKnya sebanyak tujuh peratus bagi tahun ini berikutan kesannya dijangka lebih buruk daripada yang diunjurkan.

Timbalan Ketua Menteri itu berkata penggunaan akan menerima galakan dengan memperkukuhkan permintaan domestik untuk memacu pertumbuhan.

"Ia adalah langkah bijak tetapi kesan secara langsung daripada kelembapan itu tidak begitu ketara kerana Sarawak sudah bersedia menghadapinya," katanya.

Beliau juga berkata negeri itu telah mengambil langkah serupa pada kemelesetan ekonomi sebelum ini.

Mengikut belanjawan 2001, pelaburan tambahan sebanyak RM128 juta telah disuntik ke dalam projek Gas Cecair Asli Tiga yang dijangka akan mengaut pulangan pada masa depan bagi negeri itu.

Pelbagai projek pembangunan kawasan perindustrian terutama di Kuala Baram, Demak Laut dan Sama Jaya di sini juga sedang dilaksanakan tahun ini, kata Chan yang juga merupakan Menteri Pembangunan Industri.

-- BERNAMA

CJ RHM